



# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15/6/2021	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

## JPNP bongkar lombong emas haram

Kegiatan didalangi individu warga asing, guna teknologi moden kesan emas

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN BIN NIK MIN

KUANTAN

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) berjaya membongkar kegiatan melombong emas secara haram menggunakan kaedah lubang di Hutan Simpan Ibam, Muadzam Shah, Rompin.

Dalam Operasi Bersepadu Lombong yang dijalankan selama tiga hari berakhir pada Khamis lalu itu, tiada tangkapan dilakukan memandangkan pelombong haram yang disyaki dalam kalangan warga asing lebih awal meninggalkan kawasan tersebut bagi mengelak di-cekup.

Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan mereka mendapat maklumat kehadiran pihak berkuasa dan segera melarikan diri.

Nor Azirim berkata, hasil pemeriksaan, pihaknya merampas dua jengkaut yang ditemui dalam kawasan hutan simpan itu.

"Kejayaan ini hasil tindakan Penguatkuasa JPNP Zon Timur dan Zon Barat bersama Unit Tindakan Khas (UTK) Pejabat Hutan Daerah (PHD) Rompin dan Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UNIFIED).

"Bertindak atas maklumat, pasukan ini melakukan serbuan ke lokasi dengan menempuh perjalanan sejauh 45 kilometer melalui jalan balak.

"Hasil pemeriksaan di lokasi mendapati wujud aktiviti perlombongan emas secara haram menggunakan kaedah lubang bagi mendapatkan tanah serta batu yang mengandungi



Anggota penguat kuasa JPNP memeriksa lubang yang digali pelombong haram untuk mengaut tanah dan batu yang mengandungi emas di satu lokasi dalam.

emas," katanya.

Nor Azirim berkata kaedah itu dipercayai lebih mudah dan memberi hasil lebih lumayan berbanding kaedah palong dan mendulang.

Pihaknya juga percaya kegiatan itu didalangi tiga atau empat individu warga asing dan mereka juga profesional dalam

menggunakan teknologi moden untuk mengesan jajaran emas yang terdapat dalam Hutan Simpan Ibam itu.

Menurutnya lagi, kegiatan melombong emas secara haram menggunakan kaedah lubang pertama kali dikesan di negeri ini.

"Kita percaya mereka meng-

gunakan kaedah ini kerana faktor kandungan mineral berharga itu yang banyak walaupun ia amat bahaya dan berisiko berlaku tanah runtuh dan tertimbus.

"Kegiatan ini dipercayai dijalankan sepanjang hari di mana kerja-kerja mengambil tanah dan batu dilakukan pada waktu malam kerana pantulan kilauan emas lebih jelas," katanya.

Menurut Nor Azirim, tanah dan batu yang dikaut dimasukkan ke dalam gundi sebelum dipindahkan untuk aktiviti mengayak di kawasan takungan air yang disediakan.

Tambahnya, pihak JPNP akan terus melakukan rondaan secara berterusan di kawasan Hutan Simpan Ibam bagi mengesan aktiviti melombong emas secara haram.

"Pada awal tahun lalu anggota UTK PHD Rompin berjaya menahan empat individu yang dikesan melakukan aktiviti melombong emas secara haram di Sungai Charah dalam Hutan Simpan Ibam," katanya.